



AMANAH SAHAM SARAWAK BERHAD



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi kami di

AMANAH SAHAM SARAWAK BERHAD

Lot 357, Section 5 KTLD Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak
Tel: 082 231 433 Faks: 082 232 596 E-mel: assar@assar.com.my
Laman Web: www.assar.com.my

HP: 019-346 1433 (Unit Operasi)
019-352 1433 / 013-812 1433 (Unit Pemasaran)
*1 800 888 4567 (Toll Free)



PENYATA PENAFIAN

Sebelum melabur, bakal pelabur adalah dinasihatkan supaya membaca serta memahami isi kandungan Prospektus ASSAR bertarikh 20 Oktober 2022 yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Halaman Serlahan Produk (Product Highlights Sheet) yang boleh diperolehi di pejabat Amanah Saham Sarawak Berhad. Unit-unit hanya akan diperuntukkan setelah borang permohonan yang lengkap diisi berserta dokumen sokongan yang berkaitan diterima dari pelabur. Para pelabur perlu mengambil kira yuran dan caj-caj yang dikenakan. Pengagihan pendapatan (jika ada) mungkin akan turun atau naik, manakala prestasi masa lalu ASSAR bukanlah petunjuk untuk prestasi masa akan datang. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak menyamak risalah ini yang telah dikeluarkan oleh pihak ASSAR.

APAKAH AMANAH SAHAM SARAWAK (ASSAR) ?

ASSAR telah ditubuhkan oleh kerajaan Negeri Sarawak sejak tahun 1993 bagi menggalakkan sifat menabung di kalangan Bumiputera Sarawak bagi tujuan mempertingkatkan lagi taraf ekonomi mereka.



CIRI-CIRI UTAMA ASSAR

- Saham Amanah Pendapatan Tetap (Fixed Income Fund)
- Harga belian balik Minima RM1.00 sepanjang Tempoh Jaminan
- Polisi pengagihan pendapatan sekurang-kurangnya sekali pada setiap tahun kewangan
- Potensi keuntungan modal dari ciri harga pasaran unit berubah-ubah

AKAUN PENDIDIKAN ASSAR

PENGENALAN

Akaun Pendidikan ASSAR adalah konsep tabungan yang menyediakan kemudahan menabung serta perlindungan masa depan kepada para pelabur di dalam membina perancangan tabungan pendidikan yang sistematik. Di samping itu tawaran skim galakan insentif diharap dapat mendorong anak-anak ke arah mencapai kecemerlangan akademik mereka.



KELAYAKAN

- **Bumiputera Sarawak** yang berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan
- **Bumiputera lain** yang dilahirkan di luar Sarawak yang telah berkhidmat di negeri Sarawak melebihi tempoh 12 bulan dan mestilah berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan
- Penyertaan adalah melalui **akaun bersama** dengan anak-anak dan juga adik-beradik yang berumur **kurang dari 21 tahun** (pada tarikh permohonan) yang **menuntut sepenuh masa** di sekolah-sekolah awam atau Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- Bagi penyertaan **secara individu**, pelabur hendaklah berumur di antara **18 hingga 21 tahun** (pada tarikh permohonan) yang sedang **menuntut di Tahun Pertama secara sepenuh masa** di Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam

KAEDAH PELABURAN

- Potongan gaji
- SPAY GLOBAL
- DuitNow & Perbankan atas Talian
- RHB Merchant Terminal
- Kiriman Wang, Cek atau Bank Draf atas nama **"Amanah Saham Sarawak Trust Account"**

PELABURAN MELALUI POTONGAN GAJI

- Potongan bagi sektor awam/swasta dibuat melalui majikan masing-masing
- Borang kebenaran potongan gaji boleh diperolehi di kaunter pejabat ASSAR



MANFAAT

- **Perlindungan Takaful** berdasarkan RM1.00 untuk setiap unit pelaburan sehingga maksima RM300,000.00
- **Bantuan Khairat Kematian** berjumlah RM1,000.00
- **Insentif Kecemerlangan Pelajaran** untuk anak-anak

TUNTUTAN INSENTIF KECEMERLANGAN PELAJARAN

- Bagi peringkat SPM, tuntutan harus dilakukan dalam tempoh **3 bulan dari tarikh pengumuman keputusan peperiksaan** dengan syarat LULUS Pangkat A dalam matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik
- Manakala bagi peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda, tuntutan harus dilakukan dalam tempoh **3 bulan dari tarikh konvokesyen atau tarikh penerimaan skrol**
- Jumlah pelaburan **minima sebanyak RM500** untuk tempoh **12 bulan** di dalam Akaun Pendidikan ASSAR pada tarikh tuntutan
- Bagi pelaburan bukan melalui potongan gaji, dikehendaki membuat pelaburan tahunan **minima sebanyak RM500**

Nota: Pelaburan Akaun Pendidikan ASSAR ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat

INSENTIF KECEMERLANGAN PELAJARAN

PERINGKAT	INSENTIF
a. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) - 8A ke atas - Minima 6A	RM1,500.00 RM1,000.00
b. Diploma i) PNGK 3.50 - 4.00 ii) PNGK 3.00 - 3.49	RM2,000.00 RM1,000.00
c. Ijazah Sarjana Muda i) Kelas Pertama ii) Kelas Kedua	RM2,000.00 RM1,000.00

AKAUN PERSARAAN ASSAR

PENGENALAN

Akaun Persaraan ASSAR adalah konsep perancangan tabungan bagi manfaat sepanjang hayat untuk menggalakkan individu yang layak serta mempelbagaikan kaedah menabung dalam jangka masa sederhana dan panjang.

KELAYAKAN

- **Bumiputera Sarawak** yang berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan
- **Bumiputera lain** yang dilahirkan di luar Sarawak yang telah berkhidmat di negeri Sarawak melebihi tempoh 12 bulan dan mestilah berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan

KAEDAH PELABURAN

- Potongan gaji
- SPAY GLOBAL
- DuitNow & Perbankan atas Talian
- RHB Merchant Terminal
- Kiriman Wang, Cek atau Bank Draf atas nama **"Amanah Saham Sarawak Trust Account"**
- Pengeluaran melalui akaun KWSP#

PELABURAN MELALUI POTONGAN GAJI

- Potongan bagi sektor awam/swasta dibuat melalui majikan masing-masing
- Borang kebenaran potongan gaji boleh diperolehi di kaunter pejabat ASSAR

MANFAAT

- **Perlindungan Takaful** berdasarkan RM1.00 untuk setiap unit pelaburan sehingga maksima RM300,000.00
- **Bantuan Khairat Kematian** berjumlah RM 1,000.00

Pelaburan ASSAR adalah layak ditawarkan dibawah SPA KWSP dan mematuhi Garis Panduan SPA KWSP serta tertakluk kepada penilaian dana KWSP. Syarat-syarat bagi pengeluaran pelaburan simpanan ahli boleh diperolehi melalui laman web www.kwsp.gov.my. Untuk maklumat lanjut, pelabur boleh menghubungi ASSAR di talian 082-231433 atau talian bebas tol 1-800-888 4567.

Nota: Pelaburan Akaun Persaraan ASSAR ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat

